

KUALA LUMPUR, 17 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI BERKATA ISU BERHUBUNG PERSELISIHAN FAHAM MENGENAI RANG UNDANG-UNDANG ISLAM YANG DILULUSKAN OLEH DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR BARU-BARU INI TELAH DISELESAIKAN.

+PENYELESAIAN ITU DIBUAT SECARA PENYELESAIAN BARISAN NASIONAL (BN), + KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS PERTEMUAN LEBIH SEJAM DENGAN WAKIL-WAKIL UMNO DALAM PIHAK BERKUASA TEMPATAN MALAYSIA DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PWTC) DI SINI.

PERKARA ITU SUDAH SELESAI DAN TIADA SIAPA HENDAK MELETAK JAWATAN, KATANYA SAMBIL NENAMBABAH BAHAWA PENYELESAIAN SECARA BN AKAN DIGUNAKAN DALAM MENGHADAPI APA JUGA MASALAH.

PERDANA MENTERI BERKATA CARA PENYELESAIAN TIDAK PERLU DIHEBAHKAN KERANA, MENURUTNYA, DALAM NEGARA YANG BERBILANG KAUM, CARA PENYELESAIAN YANG LEBIH BAIK ADALAH DIBENDUNG DALAM SATU-SATU BADAN SAHAJA DAN TIDAK DIHEBAHKAN PADA ORANG LAIN.

+DENGAN PENYELESAIAN ITU, TIADA SATU KAUM YANG RUGI ATAU UNTUNG, DAN ORANG BUKAN ISLAM TIDAK PERLU BIMBANG DAN ORANG ISLAM TIDAK BOLEH KATA MEREKA TIDAK DAPAT KEHENDAKNYA. -- LAG1
2037MST 17 08 89

D602

BB618 B A H
MAHATHIR - ISLAM 2 KUALA LUMPUR

KATANYA, PUCUK PIMPINAN BN TELAH MEMBINCANGKAN PERKARA ITU DAN FAHAM APA JUA MASALAH, DAN TAHU APA YANG DIBUAT TIDAK MERUGIKAN MANA-MANA PIHAK.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU SENDIRI TELAH MENEMUI SEMUA MENTERI BESAR YANG BERSETUJU DENGAN PENYELESAIAN YANG DIBUAT.

UNDANG-UNDANG NEGARA INI CUKUP UNTUK MENYELESAIKAN SEGALA MASALAH, DAN TIDAK PERLU MEMBANGKITKANNYA CARA PENYELESAIAN TERSEBUT, TAMBAHNYA.

RANG UNDANG-UNDANG ITU, YANG DILULUSKAN OLEH DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR PADA 19 JULAI, ANTARA LAIN MENYATAKAN BAHAWA ORANG BUKAN ISLAM DI BAWAH UMUR BEBAS NEMELUK AGAMA ITU SELEPAS MEREKA BALIGH MENURUT SYARIAH ISLAM.

MENURUT SYARIAH ISLAM, UMUR BALIGH BAGI LELAKI IALAH 15 TAHUN DAN BAGI PEREMPUAN APABILA MEREKA DATANG HAID PERTAMA. -- LAG1
2039MST 17 08 89

D609

B B621 B A H
MAHATHIR - ISLAM 3 KUALA LUMPUR

LAPORAN AKHBAR BARU-BARU INI MENYATAKAN EKORAN RANG UNDANG-UNDANG ITU DILULUSKAN, LAPAN ORANG ANGGOTA DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR DARIPADA MCA, YANG MENYOKONG RANG UNDANG-UNDANG BERKENAAN, BERSEDIA MELETAKKAN JAWATAN DALAM PARTI DAN SEBAGAI ANGGOTA DEWAN UNDANGAN NEGERI, JIKA ISU TERSEBUT TIDAK DAPAT DISELSAIKAN PADA PERINGKAT PARTI.

PERDANA MENTERI JUGA MEMINTA AKHBAR SUPAYA TIDAK MEMBESAR-BESARKAN PERKARA SEPERTI ITU KERANA IA BOLEH MEMECAH-BELAHKAN RAKYAT, SEBALIKNYA MELAPORKAN ISU-ISU LAIN.

+NEGARA KITA AMAN DAN SEDANG MEMBANGUN, SEMUA ORANG BOLEH DAPAT NIKMAT DARIPADA KEAMANAN DAN PERTUMBUHAN EKONOMI INI. YANG KITA NAK TUMPUKAN KEPADA PERKARA YANG MEMECAH-BELAHKAN INI ... TIDAK ADA SEBAB, TIDAK ADA KEUNTUNGAN KEPADA SESIAPA PUN, + KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA ADALAH SUKAR UNTUK MEMUASKAN HATI SEMUA PIHAK DALAM MENYELESAIKAN APA JUGA MASALAH, SAMBIL BERKATA: +TIDAK ADA CARA UNTUK DAPAT MEMUASKAN SEHUA PIHAK. HAKIKAT INI PERLU DITERIMA SEBAGAI SATU FAKTA HIDUP. +

BELIAU BERKATA PERBALAHAN SEPERTI YANG TERDAPAT DI LEBANON PERLU DIELAKKAN DARIPADA BERLAKU DI NEGARA INI. -- BERNAMA
2050MST 17 08 89